

# Kemerdekaan tiada galang ganti

BH- 9/6/2007.

## Tunku Abdul Rahman minta pemimpin perjelas penting Borneo Utara sertai Malaysia



Oleh Mohd Azrone Sarabatin

**T**IDAK ramai rakyat Borneo Utara (kemudian dikenali sebagai Sabah), menyedari Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengadakan sidang media bagi mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961.

Selepas rancangan penubuhan Malaysia tersebar luas, ramai rakyat Sabah tertanya-tanya apakah negeri itu hanya merdeka daripada penjajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) dan bakal dijajah kuasa baru.

Sebagai pencinta kemerdekaan, Datuk Awang Sahari Abdul Latif, 76, berusaha mencari jawapan di sebalik hasrat murni Bapa Kemerdekaan negara untuk disampaikan pada peringkat akar umbi.

Beliau mengambil masa agak panjang bagi mendapatkan kepastian supaya penduduk yang tidak memahami niat ikhlas Tunku Abdul Rahman itu dapat diberi penerangan tepat dan jelas.

Dalam usahanya mengumpul maklumat berhubung isu berkenaan, Awang Sahari berpandukan kepada siaran Radio Malaya, Radio Singapura dan sesekali Radio Jakarta, selain melanggan akhbar *Berita Harian* dan akhbar tempatan.

"Biarpun akhbar dari Tanah Melayu lewat diterima, sekurang-kurangnya saya peroleh juga jawapan mengenai hasrat murni Tunku yang banyak tersiar di dada akhbar kebangsaan," katanya.

Awang Sahari yang ketika itu menyandang jawatan Setiausaha Persatuan Islam Putatan (PIP) iaitu satu daripada tiga persatuan Islam berpengaruh di Sabah, bertuah kerana dijemput menemui Tunku Abdul Rahman untuk membincangkan pembentukan Malaysia.

Katanya, pertemuan itu sukar dilupakan, biarpun sudah hampir lima dekad berlalu.

Jemputan itu dihantar oleh Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri Tanah Melayu ketika itu, Ghazali Shafie (kini Tun), yang bertanggungjawab memperte-

mukan perwakilan terbabit dengan Tunku Abdul Rahman.

Masa yang berlalu sedikit pun tidak melunturkan ingatan Awang Sahari terhadap pertemuan ringkas penuh bermakna itu.

Katanya, rombongan mereka bertolak dari Lapangan Terbang Jesselton (kini Kota Kinabalu) menaiki penerbangan jam 10 pagi tanggal 7 Oktober 1961 dengan singgah di Brunei dan Kuching.

Mengharungi perjalanan panjang, pesawat akhirnya mendarat di Singapura pada jam 7.20 malam dan mereka disambut wakil Ketua Menteri Singapura lalu bermalam di Hotel Adelphi, iaitu lokasi Tunku Abdul Rahman mengumumkan rancangan pembentukan Malaysia.

Di hotel itu, mereka dikunjungi Bapa Kemerdekaan Sabah, (Allahyarham) Tun Datu Mustapha Datu Harun yang tiba lebih awal dan menasihatkan anggota rombongan supaya memikirkkan sedalam-dalamnya kebaikan cadangan pembentukan Malaysia dan masa depan rakyat Borneo Utara.

"Esoknya (8 Oktober 1961), kami menaiki kereta api jam 8 pagi dari Stesen Kereta api Tanjung Pagar ke Kuala Lumpur. Sebelum berlepas, Ketua Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, singgah mengucapkan selamat jalan.

"Kami tiba di Stesen Kereta Api Kuala Lumpur kira-kira jam 4.15 petang dan disambut wakil Ghazali untuk dibawa ke rumahnya.

"Sebelum dibawa berjumpa Tunku Abdul Rahman, Ghazali menerangkan matlamat menjemput kami untuk menjelaskan rancangan pembentukan Malaysia yang diumumkan Perdana Menteri supaya rakyat Borneo Utara memahaminya," katanya.

Awang Sahari berkata, pada jam 10.30 malam hari sama, perjumpaan tidak rasmi diadakan di Hotel Federal, Kuala Lumpur yang turut dihadiri Ghazali, Datu Mustapha dan Tun Mohd Fuad Stephens.

Pada majlis itu, Datu Mustapha dan Mohd Fuad memberi penerangan berhubung kepentingan Borneo Utara menyertai Malaysia.

Antara penjelasan yang kuat bertaut dalam ingatan Awang Sahari ialah kata-kata Tunku Abdul Rahman iaitu "kewujudan Malaysia seharusnya diperjuangkan dan badan politik yang kuat juga seharusnya ditubuhkan".

Beliau berkata, pertemuan sulung itu tercatat dalam lipatan sejarah sebagai titik tolak laluan yang membawa kepada kemerdekaan Borneo Utara menerusi Malaysia pada 16 September 1963, enam tahun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

"Firasat Tunku Abdul Rahman ternyata tepat kerana kemasukan Sabah ke dalam Malaysia membawa banyak manfaat dan rahmat.

"Sabah bukan saja merdeka dalam erti kata tidak lagi berpayungkan nafas penjajah, tetapi turut mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang," katanya.

Ditanya rahsianya berupaya mengingati pelbagai peristiwa, walaupun sudah berpuluh-puluh tahun berlalu, Awang Sahari berkata: "Amalan membaca dan menghayati al-Quran banyak membantu".

Diteliti daripada nada dan gaya percakapannya, tidak sukar untuk merungkai kemarahan yang tersirat di sanubari warga emas yang kaya dengan pengalaman serta pengetahuan itu.

Bagai membaca apa yang tersirat di pemikiran penulis, Awang Sahari pantas menceritakan perihal keperitan menempuh hidup pada zaman penjajah.

"Kalau hendak diukur azab dan sengsaranya, anda bayangkan saja keadaan mereka yang tinggal di Tanah Perkuburan Islam di Batu 2 1/2 Jalan Tuaran, Kota Kinabalu.

"Kebanyakan mereka adalah rakyat negara jiran yang mencari rezeki di Borneo Utara, tetapi kedatangan penjajah menyukarkan laluan hidup. Ramai yang putus asa apabila sukar mendapatkan bekalan makanan.

"Akibatnya, mereka menderita penyakit berjangkit dan akhirnya meninggal di sekitar tanah perkuburan tanpa dikebumikan," katanya.

Penduduk tempatan, katanya, turut menderita akibat penindasan Jepun pada Perang Dunia Kedua, tetapi keadaannya tidak seteruk rakan warga asing, terbabit.

"Setiap kali kehabisan beras, kami bawa keluar ubi kayu dan kain untuk diberi kepada masyarakat Dusun yang mengerjakan sawah sebagai ganti secupak dua beras," katanya.

Berbekalkan pengalaman mengharungi era cengkaman penjajah dan mengikuti penuh minat laluan kemerdekaan yang terlebih dulu dikecapi Tanah Melayu, Awang Sahari tidak boleh dipersalahkan jika sentimen dalam menghayati makna 16 September 1963.

"Jasa Tunku Abdul Rahman terlalu besar dan kesungguhannya mengajak Sabah menyertai Malaysia membuktikan wawasan Tunku dalam menyatukan rakyat bernaung dalam sebuah negara yang kekal aman makmur hingga kini.

"Bagi saya, keharmonian dan kemajuan rakyat Malaysia yang dinikmati kini adalah erti sebenar kemerdekaan dan jangan sesekali cuba dicari galang gantinya.

"Ini Malaysia kita bersama," katanya.

### PROFIL



- NAMA :** Awang Sahari Abdul Latif  
**TARIKH LAHIR:** 20 Januari 1931  
**TEMPAT LAHIR:** Kampung Air, Api-Api (Kota Kinabalu)  
**PENDIDIKAN:** Sekolah Melayu Jesselton, Kota Kinabalu; Pendidikan Islam di Sabah, Brunei dan Indonesia  
**JAWATAN**
- Pengarah Dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) sejak 1970 sehingga sekarang
  - Bekas Setiausaha Persatuan Islam Putatan
  - Bekas Setiausaha Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (Usno) Bahagian Putatan (ketika itu Usno adalah parti komponen Perikatan)
- KERJAYA POLITIK**
- Bekas Calon Perikatan dalam pilihan raya pertama Sabah pada November 1962
- ANUGERAH**
- Tokoh Maal Hijrah Sabah pada 2002/1424 Hijrah
  - Tokoh Pendakwah Sabah daripada kerajaan Sabah pada 2002
  - Penerima pingat kebesaran kerajaan Sabah, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) membawa gelaran Datuk pada 2002
- KEGIATAN SUKARELA**
- Menubuhkan Sekolah Agama Rakyat (Madrasah Tahzibiah) di Putatan
  - Antara pengasas Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) menggabungkan Persatuan Islam Sabah (PIS), Pertubuhan Islam Tawau (PIT) dan Persatuan Islam Putatan (PIP) pada 1970